

Rumah kedai Tok Jamal

Oleh PROF. DR. MOHAMAD TAJUDDIN MOHAMAD RASDI
(mindakritis@yahoo.com)

u.m 6/12/07 MIS 19

PANDANGAN
isometri rumah
kedai Tok Jamal.


RUMAH kedai Tok Jamal ini terletak di Jalan Nara, Pekan Pasir Puteh, Kelantan. Ia termasuk dalam kategori rumah kedai awal iaitu rumah kedai sebelum perang. Menurut sumber sejarah, dipercayai rumah ini dibina sebelum Perang Dunia Kedua dalam tahun 1915 dan kini berusia lebih 80 tahun.

Sejarah dan asal-usul
pembinaan

DARI ARKIB KALAM

Tok Jamal menggunakan ruang tengah serta bahagian kiri dan kanan rumah ini sebagai tempat kediaman anak-anak beliau, manakala barang dagangan Tauke Panjang pula disimpan di bahagian ibu rumah.

Perancangan dan konsep
reka bentuk



Terdapat ruang selang sebagai ruang perantara di antara rumah ibu dan ruang dapur. Ia berfungsi sebagai memudahkan pengudaraan dan pencahayaan di dalam rumah kedai ini. Ia juga bertindak sebagai ruang masuk yang dikhususkan untuk kaum wanita sahaja. Jemuran merupakan ruang yang terbuka dan juga sebagai laluan untuk ke ruang halaman.

Elemen reka bentuk dan
bahan binaan

Pemilik rumah kedai ini ialah seorang yang kaya dan terkenal di kawasan Limbongan ini. Beliau merupakan seorang Tok Nebeng, iaitu gelaran bagi Tok Penghulu pada suatu masa dahulu dan nama sebenar beliau ialah Tok Jamal. Beliau berasal dari Bachok, Kelantan yang terletak di sebelah utara Pasir Puteh.

Selepas kematian isteri beliau yang pertama, Tok Jamal berpindah ke Limbongan dan berkahwin dengan isteri yang kedua berketurunan Cina Islam.


Beliau berpakat dengan seorang tauke dagang yang dikenali dengan nama Tauke Panjang untuk membina deretan rumah kedai untuk menyimpan barang dagangan. Namun begitu Tok Jamal tidak menggunakan rumah kedai ini untuk berniaga kerana beliau lebih gemarkan kerja bertani.

Rumah ini digunakan untuk menampung dua fungsi yang berlainan iaitu sebagai ruang kediaman dan perniagaan di mana tingkat bawah sebagai ruang-ruang perniagaan, manakala tingkat atas sebagai ruang kediaman.

Aras dua tidak mempunyai sebarang bilik dan dihubungkan dengan sebuah tangga curam yang terletak di rumah ibu. Hanya tirai sahaja digunakan sebagai pembahagi ruang.

Ciri-ciri yang menarik pada rumah kedai ini ialah ia mempunyai ruangan kaki lima yang khas untuk pejalan kaki, bukaan yang luas di pintu hadapan dari aras lantai hingga ke siling berfungsi sebagai tempat awam serta berfasad rendah dan bersesuaian dengan konteks skala manusia.

Rumah kedai ini juga dipengaruhi



PELAN lantai rumah yang digunakan untuk menampung dua fungsi, kediaman dan perniagaan.

oleh bentuk seni bina rumah kediaman pantai Timur yang berkonsepkan rumah perabung lima.

Ruang dalaman rumah ini terbahagi kepada anjung di bahagian hadapan rumah, ibu rumah iaitu ruang yang terbesar dan rumah dapur serta jemuran di bahagian belakang rumah. Rumah ibu ialah ruang yang terbesar dan paling utama. Ia terbahagi kepada dua unit iaitu unit pertama dikhususkan sebagai gudang menyimpan barang manakala unit yang kedua sebagai ruang tamu. Kadangkala ia juga berfungsi sebagai ruang makan dan rehat.

PANDANGAN hadapan rumah kedai Tok Jamal yang terletak di Jalan Nara, Pekan Pasir Puteh, Kelantan.



Lihatlah teka bentuk dan bahan binaan

Keseluruhan kerangka rumah ini dibina daripada kayu cengal iaitu pada bahagian asas rumah, lantai dan dinding kecuali di bahagian dapur yang menggunakan dinding dari kelarai buluh dan beratapkan nipah. Komponen kerangka kayu ini disambungkan dengan menggunakan kaedah tradisional iaitu tanggam, puting dan baji.

Hanya pada bahagian ibu rumah sahaja menggunakan jubin singgora serta kekuda jenis *king post*, manakala bahagian selang beratapkan jenis pisang sesikat.

Fasad hadapan rumah kedai ini dihiasi dengan dinding berpanel yang diperbuat daripada zink disusun seperti corak janda berhias. Penggunaan panel kayu hanya di bahagian terdapat di fasad belakang sahaja. Lubang angin yang terletak di aras dua ditebuk di sepanjang bawah alang panjang dan susunan lantai membantu dalam pengudaraan pada waktu malam.

Aras lantai dan ruang yang berbeza juga membenarkan pengudaraan yang baik contohnya perbezaan antara aras lantai ruang selang yang rendah dari rumah ibu serta ruang dapur menjadi perantara udara masuk dan keluar.

Rumah kedai ini juga memiliki ukiran yang menarik iaitu bermotifkan kuih putu pada lubang angin di tingkat bawah serta kelarai anyaman dinding buluh yang berdasarkan corak bunga tanjung pada rumah dapur.



RUANG anjung di bahagian hadapan rumah.